
 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 1/11

# PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05


## MAKLUMAT PINDAAN

Pindaan	Tarikh	Butiran	Disediakan	Diluluskan
0	01.03.2023	Keluaran Kedua	Timbalan Pengarah QRIM	Pengarah QRIM
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				


 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 2/11


## Isi Kandungan

<b>1</b>	<b>Carta Alir</b> .....	<b>3</b>
<b>2</b>	<b>Tujuan</b> .....	<b>4</b>
<b>3</b>	<b>Skop</b> .....	<b>4</b>
<b>4</b>	<b>Rujukan</b> .....	<b>4</b>
<b>5</b>	<b>Singkatan</b> .....	<b>4</b>
<b>6</b>	<b>Tanggungjawab</b> .....	<b>5</b>
<b>7</b>	<b>Prosedur</b> .....	<b>5</b>
	7.1 <i>Perancangan Audit</i>	5
	7.2 <i>Permohonan Akreditasi</i>	6
	7.3 <i>Pelantikan PPA</i>	6
	7.4 <i>Persediaan Audit</i>	7
	7.5 <i>Pelaksanaan Audit</i>	7
	7.6 <i>Laporan audit</i>	8
	7.8 <i>Kelulusan JKAU</i>	8
	7.9 <i>Perakuan Senat</i>	9
<b>8</b>	<b>Rekod</b> .....	<b>10</b>

 <b>UTM</b> UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 3/11

## 1 Carta Alir



 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 4/11

## 2 Tujuan

- a. Untuk memastikan operasi sistem kualiti bertepatan dengan polisi organisasi, keperluan *Malaysia Qualification Agency* (dan badan akreditasi yang berkaitan), prosedur dan keperluan semasa.
- b. Memastikan peningkatan berterusan dalam sistem kualiti program akademik, lokasi serta institusi yang diaudit.

## 3 Skop

Prosedur ini merangkumi audit akreditasi yang perlu dilakukan kepada program akademik, audit lokasi atau premis serta audit institusi bagi tujuan berikut:


- a. Audit Akreditasi Sementara dilaksanakan untuk menilai sama ada program akademik yang dicadangkan memenuhi standard kualiti minimum sebelum ianya ditawarkan.
- b. Audit Akreditasi Penuh dijalankan ke atas program akademik yang telah mendapat pengiktirafan Akreditasi Sementara untuk memastikan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan program memenuhi standard kualiti.
- c. Audit Pematuhan merupakan aktiviti yang memantau dan memastikan program akademik dikendalikan memenuhi standard kualiti dan ditambahbaik dari semasa ke masa. Audit pematuhan dijalankan berdasarkan kitaran program akademik (3 tahun bagi program siswazah dan 5 tahun bagi program prasiswazah).
- d. Audit lokasi dijalankan ke atas lokasi premis atau institusi sama ada ianya berupaya dan sesuai atau tidak untuk menyediakan kemudahan fizikal dan sumber yang sesuai dan mencukupi, memastikan keselamatan fizikal dan ruang yang kondusif serta pengurusan program yang cekap dan efektif.
- e. Audit institusi dijalankan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan perkhidmatan secara holistik; serta untuk menilai keberkesanan kualiti dalaman institusi atau PTJ yang diaudit.

## 4 Rujukan

- a) MK : Manual Kualiti
- b) P(P)-QRIM-TPP.08 : Prosedur Tindakan Pembetulan dan Pencegahan

## 5 Singkatan

- BTP : Borang Tindakan Pembetulan  
QRiM : Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko UTM  
SPK : Sistem Pengurusan Kualiti  
PTJ : Pusat Tanggungjawab  
PPA : Panel Penilai Audit  
JKAU : Jawatankuasa Akreditasi Universiti

 <b>UTM</b> UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 5/11

COPPA : *Code of Practice for Programme Accreditation*  
 MQF : *Malaysia Qualification Framework*  
 AUN-QA : *ASEAN University Network Quality Assurance*  
 KPT : Kementerian Pengajian Tinggi


## 6 Tanggungjawab

- a) Pihak QRiM bertanggungjawab sebagai Sekretariat Audit untuk menyelaras persediaan dokumen dan aktiviti penilaian termasuk penyediaan jadual audit, pelantikan PPA, persediaan audit, urusetia audit, semakan laporan audit dan pembentangan laporan audit di mesyuarat JKAU serta Senat.
- b) PPA yang dilantik perlu melaksanakan tugas yang diberikan sepertimana Terma Rujukan yang diberikan bermula daripada persediaan audit sehingga kepada laporan audit.
- c) Pihak PTJ/Fakulti/Sekolah bertanggungjawab memberi maklumbalas dan penjelasan berserta bukti dalam Laporan Maklum balas terhadap laporan audit yang diperolehi.

## 7 Prosedur

### 7.1 Perancangan Audit

- 7.1.1. Pada suku tahun yang keempat, pihak QRiM (Unit Kualiti Akademik) akan meminta Fakulti/Sekolah untuk menyediakan perancangan/audit bagi tahun berikutnya. Pihak QRiM akan mengumpulkan perancangan tersebut dan menyediakan Perancangan Audit Tahunan (B-QRiM-JAT) di penghujung tahun bagi tujuan mengenalpasti peruntukan dan sebagai panduan bilangan audit yang akan dilaksanakan.
- 7.1.2. Perancangan Audit yang lengkap akan dibentangkan di Mesyuarat Eksekutif QRiM untuk pemakluman. Jadual yang telah disediakan perlu disimpan oleh Pihak Sekretariat QRiM sebagai panduan kerja tahunan.
- 7.1.3. Perancangan dan tarikh audit sebenar boleh berubah dengan tertakluk kepada tarikh penghantaran permohonan dan dokumen SAR oleh Unit Kualiti Akademik QRiM.

 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 6/11

## 7.2 Permohonan Akreditasi

7.2.1 Bagi tujuan permohonan akreditasi sementara, Unit Kualiti Akademik perlu menghantar dokumen berkaitan kepada Unit Swaakreditasi:

- a. Borang Permohonan Akreditasi Sementara bersama lampirannya.

7.2.2 Bagi permohonan akreditasi penuh, Unit Kualiti Akademik bertanggungjawab untuk menghantar permohonan ke Unit Swaakreditasi enam (6) bulan sebelum pelajar kohort pertama bergraduasi. Dokumen berikut perlu dihantar:

- a. Borang Permohonan Akreditasi Penuh dan Lampirannya.

## 7.3 Pelantikan PPA


7.3.1 Bagi audit akreditasi sementara dan akreditasi penuh, tiga (3) orang PPA perlu dilantik dengan sekurang-kurangnya seorang (1) PPA dalaman dan seorang (1) PPA luar. Bagi audit pengendalian akreditasi penuh, sekurang-kurangnya seorang (1) orang PPA akan dilantik dari kalangan panel audit dalaman atau luaran.

7.3.2 PPA yang dilantik adalah PPA yang mempunyai latar belakang berkaitan dengan program akademik serta mempunyai pendedahan tentang audit. PPA yang dilantik juga telah mendapat pengiktirafan oleh MQA, mendapat latihan audit dari badan profesional serta telah mengikuti kursus audit yang dijalankan oleh QRiM. PPA tidak boleh dilantik untuk menjalankan audit terhadap jabatannya sendiri kecuali jika terdapat keperluan atau terdapat kekangan dalam proses pencalonan PPA. Pelantikan PPA juga perlu mengikut standard yang dinyatakan dalam COPPA.

7.3.3 Pelantikan PPA hendaklah mendapat kelulusan ahli JKAU yang telah ditentukan secara edaran ataupun mesyuarat. Kriteria pemilihan PPA adalah seperti Kriteria Panel Penilai Audit (Standard A).

7.3.4 Surat lantikan berserta Borang Perakuan Panel Penilai Audit UTM dan Borang Persetujuan Pelantikan Sebagai Panel Penilai Audit berkaitan dikeluarkan serta penyerahan dokumen-dokumen audit dilakukan.

7.3.5 Penetapan tarikh audit adalah berdasarkan kepada persetujuan akhir PPA dan juga Fakulti.


 <b>UTM</b> UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 7/11

#### 7.4 Persediaan Audit

- 7.4.1 Urusetia QRiM akan menyediakan borang-borang bagi keperluan PPA.
- 7.4.2 Laporan penilaian sendiri (*Self-assessment report*) akan diserahkan kepada PPA dua minggu sebelum tarikh audit yang ditetapkan.
- 7.4.3 Perbincangan antara urusetia dengan PPA akan dijalankan sebelum sesi audit bertujuan memberi taklimat berkaitan aturcara dan perjalanan audit, maklumbalas perkara berbangkit dan isu-isu berkaitan sebagai persediaan sebelum audit dijalankan.
- 7.4.4 Perbincangan bersama pihak auditee juga boleh dibuat bagi memastikan kehadiran mereka yang terlibat dalam aktiviti audit iaitu pengurusan tertinggi Fakulti, pemilik program, staf akademik dan bukan akademik, pelajar serta alumni (mana-mana yang berkaitan).

#### 7.5 Pelaksanaan Audit

- 7.5.1 PPA perlu melaksanakan audit mengikut jadual audit yang ditetapkan berdasarkan keperluan berikut:
  - a. Audit akreditasi program akademik bagi Akreditasi Sementara, Penuh, dan Pengekalan Akreditasi Penuh dokumen yang perlu dirujuk ialah COPPA 2018, MQF 2.0, *Standard Program, Guidelines for Good Practices* serta peraturan lain yang berkaitan.
  - b. Bagi program Pengajian Terbuka dan Jarak Jauh adalah merujuk kepada COPPA : ODL
- 7.5.2 Bagi Akreditasi Sementara, PPA diberi masa satu (1) bulan dari tarikh serahan dokumen audit untuk melakukan audit dokumen.
- 7.5.4 Bagi Audit Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan Akreditasi Penuh, '*Exit meeting*' akan diadakan setelah selesai sesi audit dijalankan dan dihadiri oleh PPA, wakil-wakil fakulti dan urusetia.
- 7.5.5 PPA hendaklah mengemukakan penilaian audit yang lengkap dalam bentuk laporan menggunakan Borang Laporan Audit dan *Audit Evaluation Instrument*.

 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 8/11

## 7.6 Laporan audit

- 7.6.1 Bagi Akreditasi Sementara, PPA diberi masa satu (1) bulan dari tarikh serahan dokumen audit untuk melakukan audit dokumen dan menghantar Laporan Akhir Audit Akreditasi Sementara, serta *Audit Evaluation Instrument*.
- 7.6.2 Bagi Audit Akreditasi Penuh, PPA diberi masa 3 minggu dari tarikh audit untuk menghantar Laporan Akhir Audit Akreditasi Penuh *Audit Evaluation Instrument*.
- 7.6.3 Laporan audit yang diterima daripada PPA akan disemak oleh Urusetia bagi memastikan ianya lengkap dan diserahkan kepada Fakulti bagi penyediaan laporan maklumbalas.


## 7.7 Maklum balas dan pengesahan

- 7.7.1 Maklumbalas yang diterima daripada Fakulti akan disemak oleh Urusetia bagi memastikan lengkap beserta dengan lampiran bukti.
- 7.7.2 Laporan ini diserahkan kepada PPA bagi tujuan semakan dan PPA perlu menyatakan penerimaan penjelasan dan pengesahan maklumbalas.
- 7.7.3 Jika tindakan masih dalam perancangan atau tidak dilaksanakan dengan berkesan, PPA perlu menyatakannya dalam laporan maklum balas.
- 7.7.4 PPA akan membuat syor akhir selepas mendapat maklumbalas daripada Fakulti seperti berikut :
- Diberi Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh/ Pengekalan Akreditasi Penuh.
  - Diberi Akreditasi Bersyarat (interim)
  - Ditolak Pemberian Akreditasi
  - Ditolak dan Dibatalkan Akreditasi
- 7.7.5 Hasil Laporan maklumbalas ini digunakan dalam penyediaan kertas kerja yang akan dibentangkan dalam mesyuarat JKAU.

## 7.8 Kelulusan JKAU

- 7.8.1 Kertas kerja yang disediakan oleh Urusetia akan dibentangkan dalam mesyuarat JKAU untuk kelulusan. Setiap kertas kerja perlu disemak oleh Ketua PPA dan disahkan oleh Pengarah QRiM.
- 7.8.2 Setelah mendapat kelulusan JKAU, urus setia akan menyediakan kertas kerja bagi tujuan mendapatkan kelulusan mesyuarat Senat. Kelulusan JKAU bagi akreditasi program adalah seperti berikut :



 <b>UTM</b> UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 9/11

- a. Diberi Akreditasi Sementara/ Akreditasi Penuh/Pengekalan Akreditasi Penuh.
- b. Diberi Akreditasi Bersyarat (interim)
- c. Ditolak Pemberian Akreditasi
- d. Ditolak dan Dibatalkan Akreditasi

7.8.3 Surat keputusan JKAU akan disediakan dan diedarkan kepada Fakulti yang terlibat bagi tujuan makluman dan tindakan.

## 7.9 Perakuan Senat

7.9.1 Kertas kerja yang disediakan oleh Urusetia dibentangkan dalam mesyuarat Senat untuk kelulusan.

## 7.10 Pemantauan Laporan Audit

7.10.1 Bagi keputusan “Diberi Akreditasi Bersyarat (Interim)”, fakulti perlu menghantar laporan interim 1 tahun daripada tarikh kelulusan Senat kepada QRiM untuk penilaian interim oleh PPA.


7.10.2 QRiM akan menyerahkan laporan interim kepada PPA untuk diverifikasi dalam tempoh satu (1) minggu. PPA hendaklah mencadangkan syor berikut:

- a. Tindakan pembetulan telah dilakukan terhadap semua perkara yang perlu diberi perhatian dan program Diberikan Akreditasi Penuh/ Pengekalan Akreditasi Penuh. Proses audit akreditasi selesai.
- b. Tindakan pembetulan telah dilakukan terhadap sebahagian perkara yang perlu diberi perhatian. Maklumbalas lanjutan daripada Fakulti terhadap laporan diperlukan.
- c. Tindakan pembetulan tidak dilakukan. Maklumbalas lanjutan daripada Fakulti terhadap laporan diperlukan.

7.10.3 Bagi Laporan Interim yang memerlukan maklumbalas lanjutan, PPA hendaklah mencadangkan syor berikut selepas membuat penilaian lanjutan:


- a. Program Diberikan Akreditasi Penuh/ Pengekalan Akreditasi Penuh
- b. Ditolak Pemberian Akreditasi
- c. Ditolak dan Dibatalkan Akreditasi

7.10.4 Syor PPA terhadap laporan interim yang telah diverifikasi akan dibentangkan ke Mesyuarat JKAU untuk kelulusan seterusnya ke Senat untuk perakuan.

 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kkuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 10/11

## 8 Rekod

No. Dokumen	Nama Dokumen	Tempoh Simpanan
B(O)-QRiM-AUDITL.01		3 tahun
B(O)-QRiM-AUDITKL.02		7 tahun
B(O)-QRiM-LAUDITKL.03		10 tahun
B(O)-QRiM-PAKREDITASIP.04	Permohonan Akreditasi Penuh	3 tahun
B(O)-QRiM-SENTAP.05	Senarai Nama Audit Akreditasi Penuh	7 tahun
B(O)-QRiM-DOKTAMBP.06	Dokumen Tambahan Sebelum Audit Akreditasi Penuh	3 tahun
B(O)-QRiM-DOKTAMBP.07	Dokumen Tambahan Sebelum Audit Akreditasi Penuh	3 tahun
B(O)-QRiM-LAAP.08	Laporan Akhir Audit Akreditasi Penuh	10 tahun
B(O)-QRiM-BPAS.09	Borang Permohonan Akreditasi Sementara	3 tahun
B(O)-QRiM-LAAS.10	Laporan Audit Akreditasi Sementara	10 tahun
B(O)-QRiM-LAASODL.11	Laporan Audit Akreditasi Sementara ODL	10 tahun
B(O)-QRiM-LINTERIM.13	Format Laporan Interim	10 tahun
B(O)-QRiM-LMAAP.27	Borang Laporan Maklum balas Audit Akreditasi Penuh	3 tahun
Standard A	Kriteria Panel Penilai Audit	

 <b>UTM</b> <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	<b>PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ</b>	Tarikh Kuatkuasa: 01.03.2023
		Edisi: 1
	<b>PROSEDUR AUDIT PROGRAM AKADEMIK (SWA AKREDITASI) P(O)-QRiM-APASWA.05</b>	Pindaan: 0
		Muka: 11/11

## Standard A

### KRITERIA PANEL PENILAI AUDIT

1. Pakar bidang
2. Bukan graduan program
3. Tidak mempunyai ahli keluarga yang tidak terlibat atau hubungan dengan program
4. Bukan bekas pensyarah atau staf program tersebut.
5. Bukan lembaga penasihat, pemeriksa luar program tersebut
6. Tidak mempunyai kepentingan komersial dengan program.
7. Mempunyai pengetahuan sebagai auditor melalui kelayakan ataupun pengalaman.